

AMP undang orang ramai beri saranan 50 detik ikonik dalam sejarah

17 May 2015

Berita Harian

ANGKATAN Karyawan Islam (AMP) mengundang orang ramai untuk memberi saranan mengenai 50 detik ikonik dalam sejarah Singapura sejak mencapai kemerdekaan pada 1965.

Lima puluh detik ikonik yang dipilih kelak akan dirakamkan dalam sebuah buku istimewa yang bakal dilancarkan sempena sambutan ulang tahun Singapura ke-50 (SG50) pada akhir tahun ini.

Pengarah Eksekutif AMP Encik Mohd Anuar Yusop menerangkan buku yang bakal diterbitkan itu bertujuan merakamkan detik-detik bersejarah dalam pencapaian dan kemajuan masyarakat Melayu/Islam sejak Singapura mencapai kemerdekaan.

"Dalam pada itu, buku itu juga boleh dijadikan bahan rujukan bagi golongan akademik, ahli sejarah, pelajar guru dan orang ramai mengenai sumbangan masyarakat Melayu/Islam kepada negara," kata beliau.

Encik Anuar berkata buku itu dihasilkan dengan tajaan jawatankuasa sambutan SG50.

Buku yang dianggarkan setebal 200 mukasurat itu akan dihasilkan dengan kerjasama sekumpulan wartawan Berita Harian.

Bagi menjayakan projek itu, Encik Anuar mengalu-alukan penyertaan orang ramai untuk mengirinkan saranan tentang detik yang patut disertakan dalam buku berkenaan.

Beliau menambah pihaknya sedang melaksanakan kempen mengundang saranan daripada orang ramai menerusi media social dan media tradisional.

Saranan daripada orang ramai akan kemudiannya diteliti dan digabungkan dalam buku tersebut.

Antara kriteria bagi memilih 50 detik ikonik ialah detik berkenaan perlu melibatkan kemajuan atau pencapaian masyarakat Melayu/Islam.

Ia perlu sesuatu yang bersejarah lagi penting, mempunyai kesan terhadap masyarakat Singapura yang lebih besar dan sesuatu yang dibanggakan masyarakat Melayu/Islam.

Sebagai contoh, penubuhan Majlis Ugama Islam (Muis) pada 1968 dan perantikan Presiden Yusof Ishak sebagai presiden pertama Singapura merupakan antara saranan detik ikonik bagi masyarakat Melayu/Islam.

Orang ramai yang ingin memberikan saranan kepada senarai 50 detik ikonik dalam sejarah Singapura boleh mengirinkan e-mel ke celia@amp.org.sg

"Dalam pada itu, buku itu juga boleh dijadikan bahan rujukan bagi golongan akademik, ahli sejarah, pelajar guru dan orang ramai mengenai sumbangan masyarakat Melayu/Islam kepada negara,"

- Encik Mohd Anuar Yusop, Pengarah Eksekutif AMP